

Suami hentak isteri berpantang

■ Lelaki naik hantu dakwa wanita berlaku curang

Metro 7/1/13
MSG

Oleh Shamsul Munir Safini
shamsulmunir@hmetro.com.my
Kangar

“**S**elain ditetak menggunakan pisau dan diseret dalam keadaan telanjang, kepala saya juga dihentak dengan alu lesung.” Anira Aziz, 27, dibelasah suaminya yang berang selepas mendakwa dia ada hubungan sulit dengan lelaki lain.

Kejadian itu berlaku di rumah pasangan berke-
naan di Kampung Re-
poh, dekat sini, ki-
ra-kira jam 3.45 pagi
kelmarin.



ANIRA menunjukkan alu lesung digunakan suaminya untuk memukul kepalanya.

ANIRA yang lebam mata kiri mendukung anak ketiganya, Nur Asyikin.



“**Saya begitu malu dan hanya mampu menangis akibat menanggung kesakitan”**

Anira Aziz

Akibat kejadian itu, mangsa yang juga ibu kepada tiga anak perempuan dan masih berpantang selepas kelahiran anak bongsunya 42 hari lalu menerima lebih 10 jahitan di belakang badan dan kepala, selain lebam pada mata kirinya.

"Saya begitu malu dan hanya mampu menangis akibat menanggung kesakitan apabila diperlakukan dengan kejam oleh suami sendiri," katanya.

Anira berkata, tidak cukup dengan diheret dan dibelasah, suaminya yang berusia 40-an turut membakar motosikal miliknya di depan rumah.

Menurutnya, sebelum kejadian dia tidur bersama bayi perempuannya, Nur Asyikin di rumah sewa mereka, na-



KESAN jahitan di kepala mangsa

mun dikejutkan dengan kepulangan suaminya dari Kuala Lumpur.

Katanya, pada masa itu, dua jiran lelaki secara kebetulan berada dalam rumah itu untuk merokok dan mereka terus melarikan diri.

"Tanpa usul periksa, suami saya naik berang dan terus membelasah saya dengan menumbuk muka dan menendang badan.

"Dia kemudian mengambil pisau dari dapur sebelum menetak belakang badan saya, selain memukul saya dengan kerusi dan bingkai gambar.

"Tindakannya tidak berakhir setakat itu. Dia menarik rambut dan mengheret saya dalam keadaan telanjang bagi mencari jiran lelaki yang bertandang di rumah kami," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Anira berkata, sebaik sampai ke rumah jiran berkenaan, suaminya mengambil lesung batu di situ dan memukul kepalanya sehingga berlumuran darah.

"Saya merayu kepada sua-

mi tidak diperlakukan sedemikian, namun dia bertindak lebih ganas apabila membakar motosikal saya," katanya.

Dia kemudian membuat laporan polis selepas keluar dari rumah jiran terbabit.

Suaminya yang tidak melarikan diri ditahan pihak berkuasa jam 5 pagi kelmarin.

Anira berkata, dia menetap di Kuala Lumpur tapi pulang ke kampung halaman untuk berpantang, sementara suaminya juga bekerja di ibu kota biasanya pulang pada cuti hujung minggu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kangar, Superintendan Abdul Rahman Mohd Noordin berkata, suami Anira turut membuat laporan polis dan mendakwa sebaik pulang ke rumah dia mendapati is-

terinya tidur berpelukan dengan lelaki lain.

Menurutnya, siasatan awal mendapati suspek memukul isteri dengan kerusi dan lesung batu selain menyerang menggunakan pisau serta membakar motosikal milik mangsa.

"Sebaik menerima laporan awam, anggota polis dikejar ke lokasi sebelum menemui seorang wanita cedera termasuk lebam, luka di mata dan mulut serta cedera akibat dikelar dengan pisau di belakang badan.

"Mangsa terpaksa dikejar ke Hospital Tuanku Fauziah (HTF), di sini, untuk rawatan dan sudah dibenarkan keluar," katanya.

Abdul Rahman berkata, polis percaya motif serangan adalah cemburu dan sudah

menahan reman suspek empat hari bermula kelmarin.

"Hasil saringan ujian air kencing mendapati suspek yang mempunyai lima rekod jenayah turut positif dadah jenis methapethamin," katanya.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan menggunakan senjata dan jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan hingga 20 tahun atau denda atau sebat atau kedua-duanya sekali.

HM e-Paper



Untuk paparan video sila layari
subscription.nstp.com.my